



PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



200. Menguruskan Kontrak

Tempoh Tanggungan Kecacatan

200.5 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak kerja adalah ditentukan seperti berikut:

- (i) Bagi kontrak kerja yang bernilai di antara RM20,000 hingga RM500,000 Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, Tempoh Tanggungan Kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan;
- (ii) Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500,000 Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, Tempoh Tanggungan Kecacatan yang lebih lama daripada dua belas (12) bulan boleh dikenakan. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan.